

» **BANK**  »
SOALAN

**REKA BENTUK
DAN TEKNOLOGI**

Tingkatan

1

KSSM

Bahagian **A**

Bab 1 Pengenalan kepada Reka Bentuk dan Teknologi

1. Antara yang berikut, yang manakah adalah elemen reka bentuk?

- I Rupa
 - II Garisan
 - III Harmoni
 - IV Kepelbagaian
- A** I dan II
B I dan IV

- C** II dan III
D III dan IV

2. Antara yang berikut, yang manakah prinsip reka bentuk?

- A** Rupa
B Ruang
C Bentuk
D Keseimbangan

3. Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip reka bentuk.


X

Aplikasi penggunaan pelbagai gaya, nilai, dan idea yang berbeza dalam sesuatu reka bentuk.

Apakah **X**?

- A** Kontras
B Harmoni
C Keringkasan
D Kepelbagaian

4. Rajah di bawah berkaitan dengan teknik pembinaan objek.



Apakah teknik pembinaan objek tersebut?

- A** Peleraian
B Penyatuan
C Pembuangan
D Pembenaman

5. Rajah di bawah menunjukkan contoh produk di pasaran.



Apakah kategori produk tersebut?

- A** Inovasi
B Invensi
C Kejuruteraan
D Sains gunaan

Bab 2 Pengurusan Projek

6. Berikut ialah cara penjaanaan idea reka bentuk untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

- Meniru dari persekitaran
- Menterbalikkan fungsi sesuatu alat
- Menukar saiz objek
- **X**

Apakah **X**?

- A** Menyediakan jadual kerja
B Menterbalikkan kedudukan
C Merancang aktiviti projek
D Berbincang dengan guru dan rakan
7. Apakah tujuan bajet disediakan lebih awal untuk sesuatu projek?
- A** Menyediakan lakaran
B Mengehadkan lebihan kos modal
C Melakukan aktiviti berdasarkan jadual
D Memastikan objektif tercapai
8. Item manakah yang terlibat sebagai kos projek?
- A** Sewaan
B Promosi
C Pengiklanan
D Penghantaran
9. Apakah kelebihan pembentukan kumpulan kerja bagi pasukan?
- I Peningkatan motivasi staf
II Kurang tekanan dalam aspek pekerjaan
III Tanggungjawab dikongsi bersama-sama ahli kumpulan
IV Memperoleh hasil yang optimum
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
10. Apakah tugas anda sebagai pengurus projek untuk menghasilkan sesuatu produk?
- A** Menyediakan pelbagai lakaran
B Menghasilkan *mock-up* atau model
C Menentukan skop, projek, dan penentuan masa
D Mengukur, menanda, memotong, dan memasang

Bab 3 Proses Reka Bentuk

11. Apakah tujuan projek *brief* dijalankan?
- A Memudahkan penghasilan produk
 - B Memastikan projek berjalan lancar
 - C Mendapat maklumat daripada pelanggan mengenai produk
 - D Mendapat idea penambahbaikan sebelum menghasilkan produk
12. Apakah dua faktor yang terlibat dalam penentuan kriteria produk yang bakal dihasilkan?
- A Keboleh pasaran dan kualiti
 - B Jenis dan bahan reka bentuk
 - C Ergonomik dan menjimatkan
 - D Elemen dan prinsip reka bentuk

13. Berikut berkaitan dengan pernyataan masalah bagi kriteria pertimbangan utama.

- Siapakah yang akan menggunakannya?
- Siapakah pesaing yang wujud?
- Pengguna bagaimanakah yang akan menggunakan produk ini?

Apakah kriteria pertimbangan utama tersebut?

- A Stail/gaya
 - B Jangka masa
 - C Persembahan
 - D Tujuan pasaran
14. Apakah alatan yang sesuai digunakan untuk mencantum *mounting board*, plastik, dan kad bod?
- A Benang
 - B Pelekat kayu
 - C Gam paip PVC
 - D Pistol perekat panas
15. Antara yang berikut, yang manakah pengujian boleh dilakukan untuk menilai *mock-up*?
- I Bentuk
 - II Kefungsian
 - III Kecantikan
 - IV Kekuatan cantuman
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Bab 4 Lakaran

16. Maklumat berikut berkaitan dengan teknik lakaran piktorial.

- Dilakar berpandukan tiga paksi asas.
- Sudut yang digunakan ialah 45°.

Apakah teknik lakaran piktorial itu?

- A Lakaran oblik
- B Lakaran kabinet
- C Lakaran isometrik
- D Lakaran perspektif